

27 MAY 2002

Cuepacs-SSB/I

CUEPACS, JPA MUKTAMADKAN SEMAKAN SEMULA SSB KHAMIS INI

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Semakan semula sistem matriks dalam Skim Saraan Baru (SSB), yang menentukan tangga gaji bagi hampir sejuta kakitangan awam, akan dimuktamadkan pada mesyuarat antara Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Khamis ini.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam berkata keputusan yang ditunggu-tunggu selama ini mengenai skim itu dan formula baru bagi kenaikan pangkat anggota perkhidmatan awam, akan diputuskan pada mesyuarat itu.

Laporan akhir tentang hasil pertemuan mengenai skim SSB itu akan diserahkan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan, katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Sejak tahun lepas, Cuepacs dan JPA telah mengadakan empat pertemuan bagi mengkaji dan memperbaiki skim SSB yang selama ini menimbulkan banyak sungutan di kalangan anggota perkhidmatan awam.

"Ini akan merupakan pertemuan kali terakhir bagi memperkemas skim itu dan juga formula baru bagi kenaikan pangkat yang berasaskan kepada pengetahuan yang dimiliki oleh pekerja," katanya.

Siva berkata beliau akan mengetuai sembilan pemimpin utama kesatuan itu manakala JPA akan diketuai ketua pengarahnya Datuk Jamaludin Ahmad Damanhuri pada pertemuan itu.

"Ada beberapa isu yang perlu diselesaikan termasuk sistem matriks yang menimbulkan kontroversi dan satu formula baru bagi kenaikan pangkat. Pertemuan Khamis ini adalah untuk kali terakhir," katanya.

Mengikut sistem matriks SSB yang dilaksanakan sejak 1992, hanya lima peratus anggota kakitangan awam layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun.

Cuepacs menuntut agar sistem matriks dihapuskan secara automatik kerana mendakwa 95 peratus daripada anggota kakitangan awam kecewa dengan skim itu.

Sebaliknya, Cuepacs mencadangkan agar SSB digantikan dengan Sistem Gaji Tunggal (SGT) yang pada pendapatnya lebih telus, sistematik dan memberi tumpuan kepada kecekapan dan produktiviti pekerja.

Bagaimanapun, JPA tidak berminat melupuskan skim gaji tiga peringkat itu tetapi sedia memperbaiki dan mengurangkan kelemahannya.

Awal tahun ini, JPA mengemukakan laporan mengenai semakan semula SSB kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setelah ia diperkemas oleh jabatan itu dan Cuepacs.

Bagaimanapun, Dr Mahathir, yang mengetuai Jawatankuasa Gaji dan Jawatan Kakitangan Sektor Awam, mengarahkan JPA meneliti beberapa perkara yang terkandung dalam laporan awal itu kerana mendapati ia akan melibatkan anggaran perbelanjaan tambahan sebanyak RM1 bilion.

-- BERNAMA

DC MAM SP MAI